

TATACARA PERMOHONAN TEMUKUT/ BERAS HANCUR UNTUK MAKANAN HAIWAN DIBAWAH

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009 (AMH 2009)

1. Syarikat wajib mematuhi **Syarat-syarat Khas Pengimportan Temukut** seperti dibawah:

Syarat-syarat Khas Pengimportan Temukut

- i. Pengimportan temukut dibenarkan hanya bagi tujuan penghasilan makanan ternakan sahaja dan terbuka kepada pengimport yang terdiri daripada **pengilang/pembuat makanan ternakan**.
- ii. Temukut yang dibenarkan untuk diimport adalah terdiri dari beras tidak bergred yang isi hancur beras adalah kurang dari 2/10 purata panjang bijian penuh beras berukuran 7.35mm. Ukuran saiz temukut yang digunakan adalah tidak melebihi daripada 1.47mm.
- iii. Komposisi yang dibenarkan untuk pengimportan temukut bagi diproses sebagai makanan ternakan adalah 90% temukut berukuran tidak lebih dari 1.47mm dan 10% beras hancur halus berukuran di antara 1.48mm hingga 3.68mm.
- iv. Pemegang lesen borong beras daripada KPB tidak dibenarkan untuk menjadi pengimport temukut. Pengesahan berkaitan pemegang lesen borong beras boleh dirujuk ke Unit Perlesenan, Cawangan Kawalselia Padi dan Beras, Bahagian Industri Padi dan Beras, Putrajaya.
- v. Pengimport hendaklah mempunyai lesen import makanan ternakan dan Sijil Pendaftaran Pembuat dan Penjual daripada Lembaga Makanan Haiwan, DVS.
- vi. Kemasukan temukut hanya dibenarkan melalui 4 pelabuhan sahaja iaitu Pulau Pinang, Port Klang, Pasir Gudang, dan Kuantan.
- vii. Bagi tujuan kawalan, pengimport hendaklah memohon permit pemindahan antara negeri daripada mana-mana Pejabat KPB berhampiran jika melibatkan pemindahan temukut antara negeri.
- viii. Sebarang operasi pengimportan, pembuatan dan penjualan hendaklah direkodkan melalui sistem e-AMH.

2. Syarikat perlu memaklumkan dan mengemukakan surat permohonan kepada Setiausaha Lembaga Makanan Haiwan (LMH) berkenaan hasrat untuk mengimport temukut untuk makanan haiwan. Sila nyatakan maklumat berikut pada surat berkenaan:
 - i. Negara asal temukut
 - ii. Nama pintu masuk
 - iii. No. tracking
3. Urusetia LMH akan mengeluarkan surat Kebenaran Membawa Masuk Secara One-Off Temukut Untuk Tujuan Penilaian Sampel Di Bawah Akta Makanan Haiwan 2009 yang ditandatangani oleh Setiausaha LMH.
4. Syarikat perlu membuat permohonan import pada sistem e-permit dan membawa masuk **1kg sampel temukut daripada negara asal tersebut**. Sila kemukakan surat one-off pada no. 2 sekiranya ditahan oleh pegawai KASTAM/MAQIS. Syarikat wajib membawa 1 kg sampel temukut sahaja. Sekiranya kurang, permohonan akan ditolak.
5. Syarikat akan menyerahkan sampel 1kg temukut dan salinan borang permohonan e-permit kepada Urusetia LMH. Sampel tersebut seterusnya akan diserahkan kepada pihak Industri Padi dan Beras, MOA untuk penilaian sampel dan tindakan selanjutnya.
6. Pada masa yang sama syarikat perlu membuat permohonan Lesen Mengimport, Sijil Pembuat dan Sijil Penjual secara atas talian pada sistem e-Akta Makanan Haiwan (e-AMH) di alamat **eamh.dvs.gov.my** dan memuatnaik dokumen sokongan yang diperlukan (boleh rujuk Senarai Semak Lesen Mengimport di mukasurat 5).
7. Seterusnya, syarikat perlu mengemukakan borang permohonan berserta dokumen asal Certificate of Origin (COO) atau Free Sale Certificate (FSC) dan Certificate of Analysis (COA) kepada Urusetia LMH.


1. SIAPA YANG BOLEH MOHON/ KELAYAKAN PEMOHON

- i. Warganegara Malaysia,
- ii. Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

2. PIAGAM PELANGGAN (TEMPOH PEMPROSESAN DALAM HARI/JAM/MINIT)

BIL	PERKARA/ALIRAN KERJA	TEMPO H
1	Menerima dan menyemak dokumen permohonan Lesen Mengimport Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan yang LENGKAP .	7 HARI
2	Melaksanakan LAWATAN PREMIS bagi tujuan verifikasi premis.	14 HARI
3	Membentangkan permohonan Lesen Mengimport Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Makanan Haiwan untuk mendapat kelulusan dan perakuan daripada ahli jawatankuasa.	30 HARI
4	Memaklumkan kepada pelanggan samada permohonan mereka ditolak/ditangguhkan dan tindakan susulan.	1 HARI
5	Mencetak Lesen serta mendapatkan tandatangan Pengurus Lembaga Makanan Haiwan sebelum Lesen diserahkan kepada pelanggan yang telah mendapat kelulusan	7 HARI

3. CARTA ALIRAN KERJA PERMOHONAN BARU LESEN MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU
BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN



4. SENARAI KEPERLUAN DOKUMEN SOKONGAN/MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN KEPADA URUSETIA DAN DIMUATNAIK PADA SISTEM e-AMH (CHECK LIST)

Bil	Perkara	Tindakan
1.	<p>Salinan Kad Pengenalan (Bagi permohonan baru/Pertukaran nama pemohon)</p> <p>Pemohon hendaklah mempunyai liabiliti dalam syarikat; & merupakan warganegara Malaysia</p> <p>Sila beri salinan yang jelas.</p>	Muatnaik dalam e-AMH
2.	<p>Salinan MAA (Bagi permohonan baru/Pertukaran nama pemohon)</p> <p>Sila lampirkan salinan Memorandum and Articles of Association bagi syarikat Sdn Bhd. Bagi syarikat selain Sdn Bhd seperti Enterprise, sila lampirkan SSM, Form 49 diperlukan sebagai sokongan keatas jawatan pemohon sebagai pengarah.</p>	Muatnaik dalam e-AMH
3.	<p>Senarai Pintu Masuk</p> <p>Sila rujuk (SENARAI PINTU MASUK DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN DAN KUARANTIN MALAYSIA 2011)</p>	Pilih dalam e-AMH
4.	<p>Penyata Negara Asal (Certificate of Origin)</p> <p>Sijil ini hendaklah dikeluarkan oleh pihak berkenaan/berkaitan negara asal pengekport (Kerajaan). Sila beri salinan asal.</p> <p>Free Sale Certificate (FSC) boleh diguna sebagai COO. FSC hendaklah dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten negara asal. Sila beri salinan asal</p>	Hantar dokumen asal kepada Urusetia
5.	<p>Spesifikasi makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan (Certificate of Analysis) Sila beri salinan asal.</p> <p>Spesifikasi/ sijil analisis hendaklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Disahkan oleh pihak berkuasa yang kompeten (Kerajaan Negara asal) nama, jawatan dan alamat agensi pegawai pengesah diperlukan; ATAU ii. Dikeluarkan oleh makmal kerajaan Negara asal (sesalinan sijil pengiktirafan sebagai makmal kerajaan hendaklah disertakan); ATAU iii. Dikeluarkan oleh makmal pihak ketiga Negara Asal yang mendapat persijilan ISO 17025(sesalinan sijil akreditasi makmal ISO 17025 hendaklah disertakan) 	Hantar dokumen asal kepada Urusetia
6.	<p>Penyata pengilangan</p> <p>6.1 Process flow penghasilan item dengan menerangkan cara pembuatan serta bahan mentah (raw material) yang digunakan.</p> <p>6.2 Satu pernyataan deklarasi daripada pihak pengeluar bahawa item yang diimport samada mengandungi atau tidak unsur tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma</p>	Muatnaik dalam e-AMH Muatnaik dalam e-AMH
7.	<p>Penyata pembungkusan</p> <p>Gambar bungkusan, tepi, depan dan belakang. Gambar hendaklah berwarna dan jelas.</p>	Muatnaik dalam e-AMH

8.	<p>Penyata pelabelan</p> <p>Gambar label pada bungkusan dengan berwarna dan jelas. Label hendaklah memenuhi keperluan Peraturan - Peraturan Makanan Haiwan (Pelabelan Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012.</p> <p>Sekiranya item diimport secara pukal, satu penyataan pelabelan perlu dicetak pada sehelai kertas dan disertakan bersama permohonan lesen mengimport. Ia juga perlu disertakan bersama konsainan semasa pengangkutan.</p> <p>Penyataan pelabelan perlu mengandungi perkara tersebut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) jenama produk; (b) negara pembuat; (c) jenis haiwan yang dirujuk dan tujuan penggunaan; (d) nama dan alamat pembuat termasuk pengimport, pengedar tunggal atau pengeluar; (e) jenis ramuan mentah; (f) sekiranya makanan haiwan mengandungi daging babi, atau terbitan atau lemaknya, pernyataan kehadiran daging babi sedemikian, atau terbitan, atau lemaknya dalam makanan haiwan, dalam bentuk "MENGANDUNGI (menyatakan sama ada daging babi, atau terbitan, atau lemaknya mengikut mana yang berkenaan)" atau dengan perkataan lain yang menunjukkan hal ini; (g) kandungan nutrien; (h) nama dagang bahan antibiotik aktif, takat pemasukan dan tempoh penarikan; (i) takat pemasukan hormon; (j) nama dagang bahan aktif bagi bahan kimia lain; (k) berat bersih (l) tarikh pembuatan dan tarikh luput 	Muatnaik dalam e-AMH
----	---	----------------------

5. SENARAI PEMBAYARAN/MAKLUMAT BAYARAN (FI/CAJ) YANG DIKENAKAN

No.	Peraturan	Tajuk	Fi (RM)
1.	3(3)	Lesen baru	600
2.	8(3)	Pembaharuan lesen yang sedia ada (pada atau sebelum 1 Disember setiap tahun)	500
3.	8(5)	Permohonan lewat bagi pembaharuan lesen yang sedia ada (selepas 1 Disember setiap tahun)	1,000
4.	9(3)	Salinan pendua lesen yang hilang, rosak atau musnah	100 setiap lesen
5.	10(3)	Lesen bagi perubahan maklumat dan butir-butir	50 setiap lesen